

# Sokongan rakyat di 4 negeri bertambah baik

UM 26 NOV 1999

Oleh AMIRUDDIN HARUN

JASIN 25 Nov. — Barisan Nasional (BN) mendapati status kekuatan empat buah negeri yang diberikan tumpuan utama oleh parti itu pada pilihan raya umum ini semakin bertambah baik berdasarkan sokongan rakyat kepada calon-calonnya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau menda-

pati sokongan rakyat telah meningkat terhadap calon-calon BN di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, selain Pulau Pinang yang telah dilawatnya semasa kempen pilihan raya ini.

“Jentera pilihan raya BN pada waktu ini berjalan dengan lebih lancar dan kemas daripada berbanding semasa peringkat permulaan dulu,” katanya kepada pemberita selepas me-

lancarkan projek-projek jalan luar bandar negeri ini di Kilometer 30, Jalan Merlimau-Jasin, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN pada pertengahan bulan ini menegaskan BN akan memberikan tumpuan kempen pilihan raya umum ke-10 ini kepada Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

■ Lihat muka 8

## Sokongan rakyat di 4 negeri bertambah baik

UM 26 NOV 1999

Beliau berkata, tumpuan diberikan kerana jumlah orang kampung khususnya orang Melayu yang menjadi sasaran penyebaran fitnah di keempat-empat negeri itu adalah besar.

Abdullah menambah, BN mempunyai peluang cerah untuk meraih kejayaan yang baik pada pilihan raya ini memandangkan tidak ada masalah besar yang berlaku.

“Cuma masalah yang kecil-kecil sahaja tetapi itu biasa dan boleh diatasi,” ujarnya.

Ditanya apakah strategi BN untuk menawan keempat-empat negeri ini, beliau berkata BN tidak boleh mendedahkan strateginya kepada umum.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Abdullah berkata, Pas telah menyeleweng daripada perjuangannya apabila

menukar matlamatnya untuk menubuhkan negara Islam.

Beliau berkata, Pas awal-awal lagi telah ‘menyerah kalah’ dengan menolak matlamatnya untuk menubuhkan kerajaan Islam apabila berpakat dengan parti-partai pembangkang lain.

Katanya, Pas tidak berani untuk menubuhkan kerajaan Islam setelah mendapat bantahan daripada DAP yang memberi amaran kepada Pas yang ia perlu ‘langkah mayat dulu’ sekiranya ingin berbuat demikian.

Sebab itu katanya, tidak ada janji untuk menubuhkan negara Islam dalam manifesto yang dikemukakan oleh pakatan pembangkang yang terdiri daripada Pas, Parti Keadilan Nasional, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).